

20/11/1999

BN hadapi lawan di semua kerusi (HL)

Kadir Dikoh; Wan Sabariah Shikh Ali; Zulkofli Jamaludin
KUALA LUMPUR, Jumaat - Barisan Nasional (BN) dijangka menghadapi tentangan di semua 193 kerusi Parlimen dan 394 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya umum ini.

Menjelang hari penamaan calon esok, hampir semua parti sudah mengumumkan calon masing-masing. Barisan alternatif iaitu gabungan empat parti pembangkang, akan meletakkan calon bagi setiap kawasan yang ditandingi BN di Semenanjung. Mengikut persetujuan gabungan itu, Pas akan meletakkan calonnya di 59 kawasan Parlimen termasuk satu di Sabah, manakala Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bertanding di 64 kerusi Parlimen iaitu 45 di Semenanjung, empat di Sabah dan 15 di Sarawak.

DAP pula akan bertanding di 38 kerusi Parlimen di Semenanjung dan satu di Sabah, manakala satu lagi sekutu mereka, Parti Rakyat Malaysia (PRM) diberikan hanya lima kerusi Parlimen.

Selain itu, Pas akan bertanding di sebahagian besar kerusi DUN di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah; Keadilan di Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan DAP di Pulau Pinang.

Bagaimanapun pertembungan sesama pembangkang mungkin berlaku di Sarawak. DAP dan Keadilan yang akan bertanding di beberapa kerusi Parlimen di negeri itu mungkin bertembung dengan calon Parti Reformasi Negeri Sarawak (Star).

Kerjasama pembangkang di Sabah agak longgar yang mana Parti Bersatu Sabah (PBS) akan bertanding di 16 kerusi Parlimen, memberikan Keadilan hanya empat kawasan untuk ditandingi.

Ramai calon bebas dijangka turut memeriahkan pilihan raya umum kali ini terutama mereka yang tidak dipilih sebagai calon atau ditaja oleh parti pembangkang untuk memecah undi BN.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan mempertahankan kerusi Kubang Pasu, dijangka dicabar oleh Pesuruhjaya Pas Wilayah Persekutuan, Subky Abdul Latiff.

Walaupun Ahli Jawatankuasa Pusat Pas, Datuk Dr Harun Din sebelum ini menyatakan hasrat bertanding menentang Dr Mahathir, Pas dikatakan meletakkan Subky, yang dalam dua pilihan raya umum lalu pernah mencuba nasib di Wilayah Persekutuan dan Perak tetapi gagal.

Dr Harun dikatakan akan bertanding di Perlis tetapi kawasannya belum diumumkan secara rasmi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempertahankan kerusi Kepala Batas dijangka ditentang oleh calon Pas, Khalid Rashid. Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dicabar oleh calon Keadilan, Mokhtar Mansor di Parlimen Merbok.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah yang mempertahankan kerusi Parlimen Gua Musang, dicabar calon Pas, Abdul Razak Abbas.

Bagi Parlimen Permatang Pauh, kawasan yang dikatakan kubu kuat Keadilan, Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, terpaksa menghadapi bekas rakan suaminya, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sedang menjalani hukuman penjara tetapi menunggu rayuan, dikatakan mungkin dicalonkan bagi menentang calon BN, Datuk Shahrizat Jalil di Lembah Pantai.

Bagaimanapun, bagi memastikan BN tidak menang tanpa bertanding jika pencalonannya ditolak kerana aspek perundangan, Keadilan mungkin turut

mencalonkan peguamnya, Zainur Zakaria, sebagai calon bebas.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor pula bertanding di Pendang menentang Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Othman Abdul, manakala Mohamad Sabu, yang sebelum ini menang di Kubang Kerian, Kelantan, bertanding di Kuala Kedah menentang calon baru BN, Dr Fauzi Abdul Hamid.

Seorang lagi tokoh Pas yang sebelum ini bertanding di Kelantan, Naib Presidennya, Dr Sanusi Daing Mariok akan mencuba nasib di kerusi DUN Parit Raja, Johor, menentang Ali Shikh Ahmad (BN).

Sehingga malam ini, DAP belum mengumumkan secara rasmi senarai calonnya. Bagaimanapun, Pengerusinya, Dr Chee Man Hin akan bertanding di Parlimen Rasah dan DUN Temiang di Negeri Sembilan.

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang dijangka berpindah ke Parlimen Bukit Bendera tetapi Naib Pengerusi, Karpal Singh, dikatakan kekal mempertahankan Parlimen Jelutong.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mempertahankan kerusi DUN Chempaka, ditentang oleh calon BN, Ropli Ishak. Setiausaha Politikannya, Husam Musa bertanding kerusi Parlimen Kubang Kerian menentang Ketua Wanita Umno Kelantan, Zaleha Hussein.

Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar mencuba nasib di Parlimen Bandar Tun Razak, menentang Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, manakala seorang Naib Presiden parti itu, Tian Chua pula bertanding di kerusi DUN Selandar, Melaka.

Seorang lagi Naib Presiden Keadilan, Marina Yusoff bertanding kerusi Parlimen Wangsa Maju menentang calon BN, Zulhasnan Rafique, manakala Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Nor bertanding kerusi Parlimen Shah Alam menentang Datuk Mohd Zin Mohamad.

Bekas imam besar Masjid Negara, Taib Azzamuddin Md Taib pula bertanding atas tiket Pas di Parlimen Baling menentang Bahador Shah Omar (BN), manakala novelis, Azizi Abdullah, menentang calon BN, Datuk Yong Pau Chak di DUN Kulim.

Datuk Ismail Kamus pula bertanding menentang calon BN, Abdul Ghani Mohd Yatim di kerusi DUN Gombak Setia dan Dr Mohd Hatta Mohd Ramli menentang Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail di Parlimen Gombak.

Seorang lagi AJK Pas Pusat, Datuk Dr Hassan Mohd Ali, menentang Datuk Mohd Aini Taib (BN) di kerusi DUN Sungai Burung, manakala ahli baru Pas, Datuk Kamaruddin Jaafar bertanding di Tumpat menentang Nor Zahidi Omar (BN).

Ketua Badan Perhubungan Keadilan Kelantan, Muhammad Mustapha yang juga Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), akan bertanding di kawasan Parlimen Peringat menentang Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

(END)